



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)

PENETAPAN TARIKH BAHARU PELAKSANAAN JAMINAN BANK
BAGI SYARIKAT AGENSI PELANCONGAN DALAM
BIDANG *OUTBOUND* DAN UMRAH

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) sebelum ini telah mengumumkan **pelaksanaan Jaminan Bank ke atas syarikat-syarikat agensi pelancongan yang menjalankan aktiviti *outbound* dan umrah berkuat kuasa mulai 15 Mei 2026.**

Pelaksanaan Jaminan Bank ini merupakan salah satu mekanisme penting yang diperkenalkan oleh MOTAC bagi memperkukuh perlindungan pengguna serta membendung kes penipuan yang sering berlaku dalam urusan pelancongan dan umrah selaras dengan kehendak di bawah peraturan 6 (1)(m) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 [*P.U. (A)333/1992*]. Langkah ini juga bertujuan meningkatkan tahap integriti, keyakinan dan profesionalisme dalam industri pelancongan negara.

Walau bagaimanapun, **susulan konflik yang berlaku di Asia Tengah yang memberi kesan terhadap industri pelancongan di peringkat global, termasuk operasi dan kedudukan kewangan sebahagian pemain industri**, MOTAC telah mengambil keputusan untuk menetapkan **tarikh baharu pelaksanaan Jaminan Bank tersebut iaitu pada 1 Januari 2027** bagi memastikan pelaksanaan mekanisme ini dapat dilaksanakan secara lebih teratur, berdaya maju dan mengambil kira tahap kesiapsiagaan industri, tanpa menjejaskan matlamat asal kawal selia di bawah perundangan yang sedang berkuat kuasa.

Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira pandangan dan maklum balas pelbagai pihak berkepentingan termasuklah persatuan industri serta merupakan langkah berasaskan **kepentingan awam (*public interest*)** demi mengimbangkan perlindungan terhadap pelancong dan kelangsungan industri. MOTAC komited dalam memastikan mekanisme perlindungan pengguna dapat dilaksanakan secara menyeluruh, teratur dan tidak menjejaskan kelangsungan industri pelancongan negara.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, MOTAC akan terus memperkukuh usaha dalam memastikan industri pelancongan dan umrah negara berkembang secara mampan, diyakini dan selamat demi menjaga kebajikan serta kesejahteraan pelancong dan jemaah umrah.

Sebarang maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan Jaminan Bank ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui saluran rasmi MOTAC.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
11 MEI 2026

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel : 03-8891 7197 | Fax : 03-8891 7181
Laman web : www.motac.gov.my | E-mel : group.ukk@motac.gov.my
Media Sosial - Facebook, Instagram, X & TikTok : @mymotac

